



22 Januari 2024
22 January 2024
P.U. (B) 33

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui Perizaban Tanah bagi Maksud Awam [*P.U. (B) 25/2021*] yang disiarkan dalam *Warta Persekutuan* pada 20 Januari 2021, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan telah merizabkan tanah Persekutuan yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANNYA, didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara, sebagaimana yang diubah suai melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasaan dan Ubah Suaian Kanun Tanah Negara) 2009 [*P.U. (A) 454/2009*] dan diwakilkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Perwakilan Kuasa di bawah Seksyen 13 [*P.U. (B) 242/2010*], Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan memberikan notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan siasatan oleh Pendaftar Hakmilik Tanah Wilayah Persekutuan Labuan berhubung dengan cadangan pembatalan itu akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan, Tingkat 1, E003, Aras Podium, Kompleks Ujana Kewangan, Peti Surat 80693, Jalan Merdeka, 87016 Wilayah Persekutuan Labuan mulai pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari pada 29 Januari 2024 dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu boleh hadir ke siasatan itu.

JADUAL

Daerah : Wilayah Persekutuan Labuan

Tempat : Kampung Sungai Bedaun

No.Pelan : PA 25418

No. Lot : 7498

Luas : 3,784 meter persegi

Bertarikh 16 Januari 2024

[PTG/WP(S).100-2/17/2/7 JLD 15; PTGL/11/BPRZ/2022/1(3); PN(PU2)213/JLD.118]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan Labuan

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND
FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by the Reservation of Land for Public Purpose [*P.U. (B) 25/2021*] published in the *Gazette* of the Federation on 20 January 2021, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Labuan has reserved the Federal land described in the Schedule for a public purpose of a site for open space and has designated that the Secretary General of the Ministry of Federal Territories shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Labuan that the whole of the aforesaid reservation be revoked under section 64 of the National Land Code [*Act 828*]:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred by subsection 64(2) of the National Land Code, as modified by the Federal Territory of Labuan (Extension and Modification of National Land Code) Order 2009 [*P.U. (A) 454/2009*] and delegated by the Government of the Federation by the Delegation of Powers under Section 13 [*P.U. (B) 242/2010*], the Land Executive Committee of the Federal Territory of Labuan gives notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and an enquiry by the Registrar of Title of the Federal Territory of Labuan in relation to the proposed revocation will be held at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Labuan, 1st Floor, E003, Podium Level, Kompleks Ujana Kewangan, P.O Box 80693, Jalan Merdeka, 87016 Wilayah Persekutuan Labuan at 9.00 a.m to 12.00 p.m on 29 January 2024 and any person who desires to object against the proposed revocation may attend the enquiry.

SCHEDULE

District : Federal Territory of Labuan

Place : Kampung Sungai Bedaun

Plan No. : PA 25418

Lot No. : 7498

Area : 3,784 square metres

Dated 16 January 2024

[PTG/WP(S).100-2/17/2/7 JLD 15; PTGL/11/BPRZ/2022/1(3); PN(PU2)213/JLD.118]

TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI

Chairman

Land Executive Committee

of the Federal Territory of Labuan